



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : <http://ipn.moe.gov.my/jpnjohor>
e-mel : jpn.johor@moe.gov.my
Telefon : 07-2311480/481 Faks : 07-2380742

Ruj. Kami: JPNJ.600-3/4/2(2)
Tarikh : 03 Oktober 2024

Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor

Tuan,

HEBAHAN MENYERTAI PROGRAM KEJOHANAN STEM KIUB TAHUN 2024

Dengan sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kids Station Marketing Sdn. Bhd. akan menganjurkan **Program Kejohanan STEM Kiub Tahun 2024**.

2. Untuk makluman tuan, program ini akan dilaksanakan secara bersempena. Maklumat ringkas program adalah seperti berikut:

Tarikh : 28 Oktober 2024 (Isnin) murid sekolah rendah
: 29 Oktober 2024 (Selasa) murid sekolah Menengah dan PPKI
Tempat : Dewan Taming Sari, UITM Melaka, 78000 Alor Gajah, Melaka
Pautan pendaftaran : <https://tinyurl.com/nationalcubemania2024>
Urus setia program : Eric Tan di talian 012-2244 202

Maklumat lanjut boleh dirujuk pada lampiran yang disertakan.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Johor memohon jasa baik tuan untuk memaklumkan perkara ini kepada sekolah di bawah seliaan tuan yang berminat untuk menyertai program yang dianjurkan.

4. Pihak sekolah juga diingatkan supaya memastikan **aspek keselamatan murid** perlu diberi perhatian pada setiap masa dan mematuhi surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, surat makluman dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa. Pihak sekolah mestilah memastikan murid yang menyertai program berkenaan **telah mendapat keizinan** oleh ibu, bapa / penjaga masing-masing secara bertulis.

5. Pegawai kami, **Encik Mohd Faizal bin Sabtu**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor di talian 07-2311493 atau email faizal.sabtu@moe.gov.my sedia membantu untuk maklumat lanjut. Kerjasama pihak tuan memberikan keutamaan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.


"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)

Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

- s.k. 1. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor
2. Pengarah Kids Station Marketing Sdn. Bhd.,



Kids Station Marketing Sdn Bhd

3-003A, 3/F, Endah Parade, No: 1, Jalan 1/149E, 57000 Sri Petaling, Kuala Lumpur
Tel: 012-2244 202 / 012-2211 410 Email: erictan@kids.my 1064541-W

Rujukan Kami: KSM/MOE/202410

Tarikh : 30 Sept 2024

YBhg. Haji Mohd Hanafi Bin Samad

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
Wisma Pendidikan, Jalan Tun Abdul Razak, 80604 Johor Bahru, Johor
Tel:: 07-231 0000 Email: hanafi.samad@moe.gov.my

Puan,

MEMOHON KEBENARAN DAN MENBUAT HEBAHAN UNTUK MELIBATKAN MURID SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH MENENGAH DAN PPKI DALAM “KEJOHANAN STEM KIUB TAHUN 2024”

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk. Saya, Eric Tan, Pengarah Kids Station Marketing Sdn. Bhd., ingin memohon kebenaran untuk melibatkan murid-murid dalam **Kejohanan STEM Kiub Tahun 2024**. Maklumat pertandingan adalah seperti berikut:

Nama Pertandingan	: Kejohanan STEM Kiub Tahun 2024
Tarikh Pertandingan	: 28 Okt 2024 (Isnin) untuk murid sekolah rendah
	: 29 Okt 2024 (Selasa) untuk murid sekolah Menengah dan PPKI
Tempat Pertandingan	: Dewan Taming Sari, UiTM Melaka, 78000 Alor Gajah, Melaka
Yuran Pendaftaran	: Percuma & daftar atas talian di https://tinyurl.com/nationalcubemania2024

2. Saya mendahuluikan ribuan terima kasih atas kebenaran yang diberikan untuk menganjur **Pertandingan STEM Kiub** di peringkat berikut:

1. Peringkat Negeri Melaka pada 19 June 2024 dan 22 Ogos 2024
2. Peringkat Negeri Johor pada 9 Jun 2024
3. Peringkat Negeri Sarawak pada 25 Ogos 2024
4. Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah pada 25 Mei 2024
5. Peringkat Daerah Baling, Kedah pada 27 Mei 2024
6. Peringkat Daerah Petaling Utama, Selangor pada 11 Ogos 2024

3. Pertandingan ini bertujuan untuk mensimulasikan dan memupuk minat generasi muda dalam mata pelajaran STEM. Aktiviti memusing dan memutar kiub rubik ini dapat membantu pelajar memahami **konsep-konsep matematik**, termasuk perimeter, jilid, sudut, algoritma, geometri, algebra, dan penghitungan. Kami yakin bahawa pertandingan ini akan memberikan manfaat yang besar kepada perkembangan akademik pelajar dalam bidang STEM.

4. Sehubungan dengan itu, kami ingin memohon sokongan pihak tuan/puan untuk memberi kebenaran bagi melibatkan pelajar-pelajar menyertai **Kejohanan STEM Kiub Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan** ini. Pertandingan ini boleh meningkatkan kemahiran STEM pelajar, khususnya dalam mata pelajaran matematik.

Saya berharap pihak tuan/puan akan mempertimbangkan permohonan saya ini. Pihak tuan/puan boleh merujuk kepada lampiran dari BSKK, KPM dan peraturan pertandingan untuk maklumat tambahan. Kerjasama dari pihak tuan didahului dengan ribuan terima kasih. Sila hubungi **Eric Tan 012-2244 202** atau **Nizam 010-5302 631**.

Yang benar,



Eric Tan Lee Teck


Pengarah

Kids Station Marketing Sdn Bhd

Tel: 012-2244 202 Email: erictan@kids.my



Kejohanan STEM Kiub 2024 (Peringkat Kebangsaan)



Tarikh : **28/10/2024 - Sekolah Rendah**
: 29/10/2024 - Sek. Menengah & PPKI

Masa : **8:00 pagi – 4:00 petang**

Tempat : **Dewan Taming Sari,
UiTM Alor Gajah, Melaka**



← Sila Imbas Kod QR ini untuk mendaftar

<https://tinyurl.com/nationalcubemania2024>

Sila join WhatsApp Group <https://chat.whatsapp.com/BTEpWS9i9IG3hAvuFRISc8>



Sila WhatsApp Eric 012-2244 202 atau Nizam 010-530 2631 untuk keterangan lanjut.



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular and Arts Division
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Ministry of Education Malaysia
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: KPM.600-12/1/4 Jld. 57 (24)
Tarikh : 23 September 2024

Encik Eric Tan Lee Teck
Pengarah Kids Station Marketing Sdn Bhd
3-003A, 3/F, Endah Parade, No: 1, Jalan 1/149E
57000 Kuala Lumpur

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID DALAM KEJOHANAN STEM KIUB TAHUN 2024 ANJURAN KIDS STATION MARKETING SDN BHD

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak tuan yang diterima pada 23 Ogos 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Kejohanan STEM Kiub Tahun 2024** pada **28 hingga 29 Oktober 2024**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) **SPI. Bil.8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan, Bil.5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, SPI Bil.9/2023: Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar**. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1 pihak pengajur hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri setelah mendapat maklum balas dari KPM dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program.
- 3.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.4 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.5 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;
- 3.6 pihak pengajur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.7 pihak pengajur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.8 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 3.9 pihak pengajur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos pengajuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar**;
- 3.10 pihak pengajur perlu mengemukakan **draf poster/ gegantung/hebahan digital/sijil** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.11 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak pengajur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan pengajuran program ini**. Syarat permohonan adalah seperti dalam **Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (<https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>)**:

- 3.12 pihak pengajur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni, pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program.
 - 3.13 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak pengajur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada **BSKK, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;**
 - 3.14 pihak pengajur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
 - 3.15 KPM berhak menarik balik surat pengajuran program ini sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuratan akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.
4. Maklum balas pengajuran program ini hanya untuk **Kids Station Marketing Sdn Bhd** yang akan menganjurkan **Kejohanan STEM Kiub Tahun 2024** pada **28 hingga 29 Oktober 2024**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah BSKK, KPM.
5. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi Dr. Mohd Azly bin Zakaria di talian **03-88841017** atau e-mel **azly.zakaria@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(ITHNIN BIN MAHADI)

b.p. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri

MAZ/SuratPenganjuranProgramAgensi2024/MyDoc

Kejohanan STEM Kiub 2024


(Peringkat Kebangsaan)

Tarikh	: 28/10/2024 – Sekolah Rendah
	: 29/10/2024 – Sek Menengah & PPKI
Masa	: 8:00 pagi - 4:00 petang
Tempat	: Dewan Taming Sari, UiTM Alor Gajah, Melaka
Acara	: STEM Kiub 3x3 & 2x2



Sila imbas QR Code ini
atau klik

<https://tinyurl.com/nationalcubemania2024>
untuk mendaftar




SYARAT PERTANDINGAN:

1. Penyertaan dibuka kepada semua murid **sekolah rendah, sekolah menengah** dan **murid PPKI – Pendidikan Khas di Malaysia.**
2. Murid yang menyertai mesti berumur dari 7 tahun hingga 19 tahun pada tahun pertandingan.
3. Murid mesti bersekolah di SK, SJKC, SJKT atau sekolah swasta di bawah KPM.
4. Peserta boleh duduk atau berdiri semasa bertanding.
5. Semua peserta mempunyai DUA (2) kali peluang untuk menyelesaikan kiub dan kami akan mengambil rekod terbaik sebagai KEPUTUSAN TERAKHIR.

45 darjah
Tidak Siap
Penalty
+ 2 Saat

KIUB RUBIK 3x3x3 dan 2x2x2:

1. Kiub rubik yang digunakan dalam pertandingan ini adalah 3x3 yang mempunyai 6 warna dan permukaan.
2. Size Kiub 3x3 dan 2x2 adalah antara 4cm hingga maximum 6cm dan semua jenama kiub boleh digunakan untuk bertanding.
3. Peserta boleh menggunakan Kiub Rubik sendiri. Pengajar juga akan sediakan Kiub untuk dipinjam.
4. Kiub rubik yang digunakan mesti dalam keadaan yang baik dan tidak diubah suai.
5. Kiub Lube / Minyak boleh digunakan untuk melicinkan Kiub 3x3x3 dan 2x2x2.
6. Sebarang kerosakan kiub rubik semasa pertandingan adalah dibawah tanggungjawab peserta.



PERATURAN PERTANDINGAN:

1. Peserta perlu menunjukkan kiub rubik yang sempurna susunan warnanya kepada hakim sebelum pertandingan bermula.
2. Para Hakim akan Scramble Kiub dari keadaan sempurna kepada keadaan hancur dengan 25 pusingan (atau lebih) pada kiub 3x3. Setiap pusingan adalah 90 darjah.
3. Peserta dibenarkan cuba (Testing) hidupkan timer dengan menggunakan 2 tangan letak atas timer sehingga lampu hijau keluar, selepas itu boleh lepaskan tangan untuk pertandingan. Selepas habis selesai Kiub 3x3 kepada keadaan sempurna. Letakkan 2 tangan atas timer untuk memberhentikan masa.
4. Kiub 3x3 dalam keadaan hancur akan ditutup dengan kotak.
5. Peserta dibenarkan membuka kotak dan menyelidik tanpa memusingkiub dalam masa maksimum 15 saat.
6. Peserta boleh mulakan Timer dan cuba menyelesaikan kiub kepada keadaan sempurna selepas menyelidik.
7. Peserta yang telah menyiapkan susunan kiub 3x3 perlu letak 2 tangan di atas timer untuk memberhentikan masa. Sila letak kiub rubik dalam keadaan sempurna untuk hakim mencatat masa.
8. Jika kiub yang sempurna didapati ada satu penggerakan diperlukan melebihi 45 darjah, maka akan tambah penalty 2 saat.
9. Semua peserta mempunyai DUA (2) kali peluang untuk menyelesaikan kiub dan kami akan mengambil rekod terbaik sebagai KEPUTUSAN TERAKHIR.
10. "Cut Off Time" untuk pertandingan kiub 3x3 adalah 3 mint (180 saat). Kalau kiub masih tidak dapat disempurnakan selepas masa 3 minit, pertandingan akan diberhentikan dan catat masa dalam Time Sheet dengan rekod 3 minit.
11. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepantasan dalam menyempurnakan ke enam-enam warna bagi setiap permukaan. Setiap permukaan mesti mempunyai warna yang sama.
12. Sebarang isu yang tiada dalam peraturan pertandingan akan dibincangkan dalam jawatan kuasa teknikal pertandingan sebelum sebarang keputusan diumumkan.
13. Keputusan para Hakim dan Pegawai Teknikal semasa dan selepas pertandingan adalah muktamad.



Sila WhatsApp Eric 012-2244 202 atau Nizam 010-530 2631 untuk keterangan lanjut.

KEJOHANAN STEM KIUB 2024

KEJOHANAN TERBUKA KEBANGSAAN

28 OKT 2024 (ISNIN) - SEK RENDAH

29 OKT 2024 (SELASA)- SEK MEN & PPKI

KATEGORI

SEKOLAH RENDAH (2X2X2, 3X3X3)

SEKOLAH MENENGAH (2X2X2, 3X3X3)

PPKI (3X3X3 SATU WARNA PERMUKAAN)

TEMPAT :
DEWAN TAMING SARI,
UITM,
ALOR GAJAH,
MELAKA.

PENDAFTARAN ADALAH
PERCUMA

HADIAH

*TEMPAT 1 HINGGA KE 5 BAGI SETIAP KATEGORI

(MEDAL DAN SIJIL PEMENANG PERINGKAT KEBANGSAAN)

*PESERTA LAIN.

(SIJIL PENYERTAAN PERINGKAT KEBANGSAAN)

daftar

<https://tinyurl.com/nationalcubemania2024>



pertanyaan

En Nizam : 0105302631

Mr Eric : 0122244202

